

19 APR 2001

LEAD MAHATHIR-DAIM

TIDAK PERLU CARI CALON GANTI DAIM, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan tidak perlu mencari calon untuk menggantikan Tun Daim Zainuddin kerana beliau tidak meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

"Kita akan memikirkan perkara itu apabila tiba masanya kelak..(mencari pengganti). Ketika ini kita tidak ada rancangan untuk melantik menteri kewangan baru kerana kita belum mencapai tahap itu lagi," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Dialog Golongan Muda Afrika dan Intelektual di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini, beliau berkata Daim hanya mengambil cuti dua bulan.

Apabila ditanya sama ada ia satu keputusan yang tepat bagi Daim untuk bercuti ketika keadaan ekonomi negara tidak begitu menggalakkan, Dr Mahathir berkata: "Beliau bukanlah terus pergi begitu sahaja. Beliau masih pergi ke pejabat, cuma beliau tidak menghadiri mesyuarat Kabinet atau mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Apabila ditanya sama ada Daim akan meneruskan kembali tugasnya pada masa Perhimpunan Agung Umno pada Jun ini "saya rasa, ya."

Terdahulu, dalam satu majlis di Genting Highlands hari ini, Dr Mahathir mengesahkan bahawa Daim bercuti selama dua bulan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir enggan mengulas apabila ditanya oleh pemberita sama ada ia adalah tindakan pendahuluan kepada peletakan jawatan Daim, dengan mengatakan, "anda perlu tanya dia sendiri."

"Jika anda tanya saya dan saya menjawabnya, beliau mungkin marah," katanya sebagai mengulas laporan akhbar yang menyebut bahawa Daim telah mengemukakan permohonan bercuti selama tiga bulan dan tempatnya dipangku seorang menteri.

Dr Mahathir berkata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz akan mewakili Daim dalam Kabinet.

"Beliau mengambil cuti dua bulan dan Nazri kini mewakilinya dalam Kabinet," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Konvensyen Perdana Pendidikan Nasional 2001 di Institut Aminuddin Baki di Sri Layang, di sana.

Apabila ditanya sama ada perlu melantik seorang pemangku menteri kewangan, Dr Mahathir berkata ianya tidak perlu kerana Daim masih berada di pejabat untuk menyemak dokumen dan surat rasmi walaupun sedang bercuti.

Ketika ditanya alasan Daim bercuti, Perdana Menteri berkata, "Mungkin dia letih. Kamu banyak mengganggunya. Tanya dia tidak henti-henti dan kecam dia mengenai Mas (Penerbangan Malaysia)." -- BERNAMA

MK AR MKO SHY ZK